

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG  
[ LAWAS – BN ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN (NO. ~~124~~) 123**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah dan program yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi mencungkil bakat-bakat sukan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian tidak sekadar berpusat mengikut lingkungan geografi tetapi adalah secara menyeluruh sama ada di bandar mahu pun di luar bandar.
2. Pada tahun ini Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan program-program yang mampu menjadi platform dalam mencungkil bakat baru dalam sukan khususnya di Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh Kementerian melaksanakan Kem INSPIRE iTalent & iTrain, Sirkuit INSPIRE OKU dan Kem Bakat Badminton dilaksanakan di peringkat negeri, program Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS) di 11 Bahagian Sarawak dan 6 Bahagian Sabah. Program LiSUS ini mempertandingkan 4 jenis sukan iaitu futsal, bola jaring, sepak takraw dan bola sepak 9 sebelah. Bagi melahirkan atlet yang berpotensi dalam bidang sukan bermotor dan sukan ekstrem yang kian mendapat perhatian, Kementerian juga menyediakan program X-Games dan Formula KBS peringkat negeri di Sabah dan Sarawak bagi mencungkil bakat baru dalam sukan berkenaan.
3. Selain itu, Program Pembangunan Bakat Akar Umbi Kebangsaan (MyTID) turut dilaksanakan dengan kerjasama antara Kementerian melalui Institut Sukan Negara bersama Kementerian Pendidikan Malaysia. Jalinan kerjasama ini memperluaskan tapak pencarian bakat dengan menyaring bakat di peringkat akar umbi menggunakan kaedah saintifik dan teknologi. Pada tahun 2015,

## SULIT

seramai 10,166 murid telah disaring di 130 buah sekolah yang melibatkan 31 daerah di Sarawak. Manakala di Sabah pula, seramai 9,234 orang murid telah disaring di 89 buah sekolah yang melibatkan 24 daerah. Program ini telah dijalankan secara menyeluruh termasuk sekolah-sekolah di kawasan pedalaman.

4. Melalui program saringan ini, murid yang berpotensi akan dipilih untuk mengikuti program Pembangunan Multi lateral yang memfokuskan kepada pembelajaran dan perkembangan kemahiran. Di samping itu, kadar pertumbuhan dan perkembangan kemahiran individu akan dipantau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23 MEI 2016  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING  
[ TAIPING ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang bakal dilakukan untuk meningkatkan kebajikan dan emolumen anggota-anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengambil perhatian terhadap kebajikan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Antara langkah yang diambil adalah dengan membuat semakan semula terhadap kadar elaun-elaun sedia ada dan juga membuat permohonan elaun baharu. Justeru itu, KPKT telah mengemukakan permohonan tiga jenis elaun baharu kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang kini dalam proses pertimbangan dan sekiranya ianya diluluskan, kebajikan anggota JBPM akan lebih terbela selaras dengan peranan dan tanggungjawab anggota bomba pada masa ini.

Dalam hubungan yang sama, kenaikan gaji anggota juga turut diberi perhatian oleh pihak Kementerian. Hasilnya, JPA dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016: Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia telah menetapkan gaji minima pegawai bomba adalah RM1,360.00 mulai

Julai 2016 berbanding RM936.00 bagi Gred KB17 iaitu peningkatan sebanyak RM424.00 (45%).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK**  
**[SEREMBAN]**  
**TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)**  
**SOALAN : 125**

Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini dan perancangan untuk menaik taraf dan membangunkan Terminal Swettenham Pier di Georgetown sebagai hab utama "*cruise tourism*" di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Memang terdapat perancangan untuk menaiktaraf Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT). Keperluan untuk menaiktaraf kemudahan infrastruktur SPCT adalah penting bagi menampung pertambahan jumlah persinggahan kapal cruise dari tahun ke tahun selain menerima persinggahan kapal-kapal cruise yang bersaiz mega. Perancangan untuk menaiktaraf SPCT melibatkan pemanjangan saiz dermaga termasuk kemudahan infrastruktur yang berkaitan di terminal, namun atas sebab kekangan isu hak milik tanah SPCT yang masih belum selesai dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kerja-kerja menaiktaraf yang dirancang ini belum dapat dilaksanakan.

Kerjasama daripada Kerajaan Negeri juga amat penting untuk menarik lebih banyak singgahan kapal cruise di SPCT dan menjadikan SPCT sebagai destinasi persinggahan kapal-kapal cruise.